

# 1,576 graduan UTHM terima ijazah, diploma

KOSMO 3/9/07

BATU PAHAT - Seramai 237 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda Teknik dan Vokasional pada hari pertama majlis Konvokesyen Keenam Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang berlangsung di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, di sini semalam.

Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr. Ismail Bakar berkata, jumlah keseluruhan pelajar yang akan menerima ijazah dan diploma masing-masing sehingga hari ketiga seramai 1576 orang.

"Bilangan graduan yang ramai tidak boleh menerima ijazah dan diploma dalam satu hari dan kita pecahkan kepada tiga hari mengikut jurusan.

"Daripada jumlah tersebut, dua orang menerima ijazah doktor falsafah (Ph.D), 237 orang menerima ijazah sarjana, 1046 menerima ijazah sarjana muda dan 291 orang menerima diploma," katanya.

Majlis tersebut turut menyaksikan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) kepada Pengerusi Eksekutif Johor Corporation, Tan Sri Datuk Muhammad Ali Hashim.

"Konvensyen ini adalah kali keenam di adakan tetapi ia yang pertama sebagai sebuah universiti setelah dinaik taraf dari kolej universiti pada 1 Februari lalu.

"Selama enam tahun, kami telah lahirkan seramai 8,392 graduan dalam bidang kejuruteraan, pendidikan teknikal, teknologi maklumat dan penguasaan teknologi," katanya.

Katanya lagi, UTHM amat berbangga kerana setiap graduan yang dilahirkan ramai yang telah berada di pasaran kerjaya sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Paling membanggakan, jelasnya, kejayaan graduan sebelum ini banyak menyumbang untuk kebaikan UTHM melalui unit alumni universiti yang akan digiatkan dengan lebih aktif.